

28/11/1997

DAP puji Dr M dapat sokongan Apec

KUALA LUMPUR, Khamis - DAP memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya mendapatkan sokongan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk meminta Tabung Mata wang Antarabangsa (IMF) mengkaji peranan peniaga mata wang.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang percaya bukan mudah bagi Perdana Menteri meyakinkan pemimpin Apec dari negara maju mengenai keperluan mewujudkan peraturan mengawal manipulasi pasaran kewangan antarabangsa, pada sidang kemuncak Apec yang baru sahaja tamat di Vancouver, Kanada.

"Mahathir layak menerima sokongan penuh dalam menekan arena antarabangsa bagi mengadakan segera peraturan mengawal aktiviti peniaga mata wang untuk melindungi mata wang negara membangun," kata ketua pembangkang itu dalam satu kenyataan, di sini.

Beliau berkata, Kerajaan Malaysia juga perlu berusaha mendapatkan perjanjian antarabangsa bagi mewujudkan sistem sejagat dalam mengawal mata wang pada mesyuarat menteri luar dari negara Asean, Asia Barat dan Kumpulan 15 (G-15) di Kuala Lumpur minggu depan.

DAP turut menyambut baik keputusan Kabinet mengarahkan semua pegawai kanan menerima membatalkan percutian mereka ke luar negara bagi mengelakkan pengaliran keluar tukaran asing.

Lim berkata, arahan itu harus merangkumi semua pegawai kerajaan Persekutuan dan negeri termasuk menteri besar, ketuamenteri dan Exco. - Bernama

(END)